

09 OCT 1996

DAP-Mahathir

DAP PUJI PENDIRIAN DR MAHATHIR MENGENAI POLITIK WANG

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang hari ini memuji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana berpendirian tegas menentang politik wang.

Kata beliau pendirian Perdana Menteri itu perlu diperluaskan ke dalam sistem politik kebangsaan keseluruhannya untuk memastikan Malaysia boleh berbangga dengan kebersihan politiknya di mata dunia.

Lim yang juga ketua pembangkang di Parlimen berkata perkembangan dalam Umno dalam masa dua hari lepas telah berjaya meyakinkan mereka yang kurang berkeyakinan bahawa Dr Mahathir bersungguh-sungguh apabila beliau "mengistiharkan perang dengan politik wang dalam pemilihan Umno".

Semalam, ketika berucap pada Majlis Presiden di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, Dr Mahathir meminta para perwakilan menolak calon-calon yang mengamal rasuah dan tidak jujur dalam usaha untuk mendapatkan kedudukan tinggi dalam parti.

Beliau telah berkata penyalahgunaan kuasa dan politik wang dalam Umno berleluasa sekarang dan mungkin akan memberi kesan kepada pentadbiran kerajaan.

"Sekiranya parti dikuasai oleh mereka yang tidak bertanggung jawab dan mengamalkan rasuah, apa akan terjadi kepada kerajaan kerana mereka ini memegang jawatan kerajaan? Di mana datangnya wang itu sekiranya tidak dari rasuah?" tanya Dr Mahathir.

Lim yang juga Anggota Parlimen Kawasan Tanjung berkata penolakan enam calon dari bertanding kerusi Majlis Tertinggi Umno adalah faktor yang penting yang mempengaruhi mereka yang kurang berkeyakinan bahawa Perdana Menteri serius dalam usaha memerangi politik wang dalam parti itu.

Enam calon itu ialah Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang Datuk Shariff Omar, anggota exco Pulau Pinang Datuk Abdul Latiff Mirasa, anggota exco Perak Datuk Dr Abdul Malek Hanafiah, anggota exco Selangor Datuk Mohd Aini

Taib, anggota exco Johor Adam Hamid dan Anggota Parlimen Shah Alam  
Datuk  
Salamon Salamat.

"Saya mempunyai perbezaan politik dengan Dr Mahathir, tetapi kami  
akan  
memberi sokongan penuh sekiranya tindakan beliau baik untuk negara  
dan  
rakyat," kata Lim. -- BERNAMA

ZUL WAT